

B519:

MAHATHIR ๑'๑'๑

1981

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERWASPADA TERHADAP TIGA KATEGORI MUSUH YANG SEDANG DIHADAPI OLEH NEGARA INI.

PERTAMA JALAN MUSUH DALAM DIRI YANG TERDIRI DARI SIFAT-SIFAT MALAS, HASAD DENGKI, CURIGA, BONGKAK DAN SOMBONG, TIDAK AMANAH DAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI.

KEDUA, MUSUH DALAM SELIMUT YANG MERUPAKAN SEGELINTIR KUMPULAN MANUSIA YANG BERTALAM DUA MUKA.

GOLONGAN INI, KATANYA, TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG SANGGUP DAN SENTIASA BERSEDIA MENJUAL MARUAH BANGSA DAN NEGARA APABILA SAHAJA MEREKA DIPUJI ATAU DIBERI TEMPAT OLEH ORANG ASING.

+GOLONGAN INI SANGAT MERBAHAYA DAN AGAK SUKAR BAGI KITA MEMBUKTIKAN SAMA ADA IA MUSUH ATAU KAWAN KERANA SIFAT-SIFAT MUNAFIKNYA,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP DEMIKIAN DI PERHIMPUNAN HARI BELIA NEGARA DI SINI. —BERSAMBUNG 1205/13

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA SENTIASA BERHATI-HATI TERHADAP GOLONGAN ITU SUPAYA TIDAK TERPERANGKAP KE DALAM JERAT MEREKA.

MANAKALA MUSUH KETIGA IALAH MUSUH DARI LUAR YANG JELAS DAN SAHIF SIFAT-SIFAT PERMUSUHANNYA.

KATANYA, MEREKA SUDAH DIKENAL KERANA SECARA BERTERUS TERANG MEMPERKENALKAN DIRI MEREKA DENGAN TINDAK-TANDUK YANG NYATA.

+TERHADAP GOLONGAN INI KITA TIDAK MENGHADAPI MASALAH BESAR KERANA NEGARA INI MEMPUYAI PERISAPAN DAN KEUPAYAAN YANG CUKUP UNTUK MENENTANGNYA, + TEGAS BELIAU.

BELIAU MENSIKATKAN +MUSUH DALAM DIRI+ SEBAGAI YANG PALING MERBAHAYA.

BELIAU MENYATAKAN SEANDAINYA SEBAHAGIAN DARIPADA RAKYAT DALAM SESEBUAH NEGARA MEMILIKI SIFAT-SIFAT TERSEBUT, LAMBAT LAUN NEGARA ITU AKAN TERJERUMUS KE JURANG KEMUSANAHAN. — BERSAMBUNG

1210/1B

B523:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+APALAGI JIKA CIRI-CIRI TERSEBUT WUJUD DALAM SESEBUAH NEGARA YANG BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA INI, AKIBATNYA NANTI ADALAH SATU MALA PETAKA YANG AMAT DAHSYAT YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT DIPERBAIKI LAGI, + TEGAS BELIAU.

OLEH ITU, SEMUA PIHAK TERUTAMA PARA BELIA HENDAKLAH MEMIKIRKAN HAKIKAT ITU SEDALAM-DALAMNYA, SEWARAS-WARASNYA DAN HENDAKLAH MEMBANDINGKAN PERITWA-PERITWA YANG PERNAH BERLAKU DALAM SEJARAH DI NEGARA INI MAHUPUN DI NEGARA-NEGARA LAIN.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN PARA BELIA MEMBUKTIKAN PENGHARGAAN DAN PENGHAYATAN MEREKA TERHADAP KHIDMAT BAKTI YANG DIBERIKAN OLEH NEGARA DI SAMPING MENUNJUKKAN RASA SIMPATI KE ATASNYA DALAM MENGHADAPI MASALAH-MASALAH KECIL YANG TIMBUL DARI MASA KE SEMASA.

MENGENAI PERTUMBUHAN BADAN-BADAN SUKARELA SEPERTI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA DAN BADAN-BADAN KEBAJIKAN DI NEGARA INI, BELIAU BERKATA PERKEMBANGAN ITU ADALAH SATU PETANDA BAIK YANG MENUNJUKKAN KESEDARAN, KESEDIAAN SERTA KESANGGUPAN RAKYAT UNTUK MEMAINKAN PERANAN MEREKA SECARA SUKARELA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA. —

BERSAMBUNG 1220/1B

0524:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, KERAJAAN PERLU BERHATI-HATI SUPAYA PERKEMBANGAN YANG SIHAT ITU TIDAK DIEKSPLORITASI OLEH MUSUH-MUSUH NEGARA YANG SENTIASA MENUNGGU PELUANG UNTUK MENGAMBIL KESEMPATAN DARI KEADAAN YANG TERBUKA ITU BAGI MELAKSANAKAN HASRAT BURUK MEREKA.

KATANYA, UNDANG-UNDANG TIDAK DIADAKAN MELAINKAN KERANA PENYALAHGUNAAN KEBEBASAN. +MEREKA YANG MENGGUNAKAN HAK DAN KEBEBASAN SECARA YANG BAIK DAN MENGUNTINGKAN NEGARA TIDAK PERLU KHUATIR TERHADAP APA JUA UNDANG-UNDANG.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +HAKIKAT INI PERLU DIFAHAMI DENGAN BAIK TERUTAMA OLEH PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA SUPAYA JANGAN MENGAMBIL TINDAKAN TERBURU-BURU YANG BOLEH MERUGIKAN KAUM BELIA SENDIRI.

BELIAU BERHARAP PARA PEMIMPIN BELIA TIDAK LEKAS TERPENGARUH OLEH JOLOKAN GOLONGAN YANG CUBA MENGAPI-APIKAN KEADAAN DENGAN TUJUAN MENCAPAI MOTIF TERTENTU.

INI IALAH KERANA TERDAPAT TANDA-TANDA BAHAWA SETENGAH-SETENGAH PIHAK TELAH MULA MELATAH EKORAN DARIPADA KELULUSAN PINDAAN AKTA PERTUBUHAN DI PARLIMEN BARU-BARU INI. — BERSAMBUNG 1237/1B

B527c

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN PINDAAN AKTA TERSEBUT DIBUAT DENGAN TUJUAN SUCI BAGI MENYEKAT ANASIR-ANASIR YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DARIPADA MENGGUNAKAN KELONGGARAN YANG TERDAPAT DALAM AKTA ASAL ITU UNTUK MENGHALALKAN TINDAKAN JAHAT MEREKA.

BELIAU MENYAKINKAN PARA PEMIMPIN BELIA BAHAWA MEREKA TIDAK PERLU BIMBANG DENGAN PINDAAN AKTA TERSEBUT.

MANA-MANA PINAK PUN TIDAK MESTI MERASA TAKUT SELAGI MEREKA BERGERAK SECARA HALAL MENGIKUT LANDASAN--LANDASAN PERLEMBAGAAN NEGARA, PERLEMBAGAN PERTUBUHAN MASING-MASING DAN JUGA SELARAS DENGAN RUKUNEDA.

♦PADA SAYA, ORANG YANG BERSALAH SAHAJA YANG TAKUTKAN UNDANG-UNDANG DAN ORANG YANG BERDOSA SAHAJA YANG TAKUTKAN HUKUMAN,+ TEGAS BELIAU.

BERKENAAN DENGAN PERHIMPUNAN HARI BELIA NEGARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, IA MEMBUKTIKAN SATU PETANDA YANG SANGAT BAIK DAN MENGGALAKKAN MENGIKUT PENILAIAN DAN TINJAUAN DALAM KONTEKS PERPADUAN NEGARA SEJAJAR DENGAN ASPIRASI TEMA PERAYAAN HARI DAN MINGGU BELIA TAHUN INI IAITU +BELIA BERSATU NEGARA MAJU.+ —
BERSAMBUNG 1255/13

B545

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

KATA BELIAU, MANIFESTASI DARI PERHIMPUNAN ITU JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA PARA BELIA NEGARA INI DARI PELBAGAI KAUM TELAH DAPAT BERSATU PADU DAN BERGANDING BAHU MEMPERJUANGKAN CITA-CITA DAN ASPIRASI MEREKA UNTUK KEPENTINGAN BEISAMA.

BELIAU PERCAYA KEADAAN ITU TELAH BERJAYA DIJUJUDKAN BERKAT HASIL PENGAJARAN DARIPADA PENGALAMAN MANIS DAN PAHIT MAUNG YANG TELAH RAKYAT LALUI PADA MASA-MASA LALU.

DISAMPING ITU, KATA BELIAU, KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA INI YANG KUKUH BERTA KESTABILAN POLITIKNYA JUGA TURUT MEMBERIKAN SUMBANGAN BESAR KEPADA PERPADUAN RAKYAT.

TAMBAH BELIAU, SUNGGUHPUN KEDUA-DUA ASPEK ITU MERUPAKAN FAKTOR-FAKTOR PENTING DALAM SESUATU PROSES TIMBAL BALIK YANG SALING MEMBERI KESAN KEPADA KEKUKUNAN EKONOMI DAN KESTABILAN POLITIK MELANJUTKAN KETEGUHAN PERPADUAN RAKYAT.

DAN SEBALIKNYA, PERPADUAN RAKYAT YANG TEGUH AKAN MENDORONG KEPADA KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI, KATA BELIAU.

MENURUTNYA JIKA SALAH SATU DARIPADA FAKTOR-FAKTOR TERSEBUT BERADA DALAM SIFAT YANG NEGATIF, MAKA AKIBATNYA ADALAH AMAT BURUK.

-- BERSAMBUNG 1425/SZ

43

MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

DALAM HUBUNGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN APA YANG DIHARAP-HARAPKAN OLEH RAKYAT ADALAH SATU BENTUK PERPADUAN YANG TULEN DAN MURNI YANG BERASASKAN RASA KESEDARAN DAN TANGGUNGJAWAB — PERPADUAN YANG DILAHIRKAN OLEH SUATU PROSES YANG SUCI DAN IKHLAS, BUKANNYA PERPADUAN SIMBOLIS.

BELIAU MENINGGATKAN SUPAYA PERPADUAN TERSEBUT TERUTAMA PERPADUAN DI KALANGAN PARA BELIA TIDAK DISALAHGUNAKAN.

TEGAS BELIAU, PERPADUAN BELIA BUKANLAH UNTUK MENIMBULKAN HURU-HARA ATAU MENJADI ALAT PROTES ATAU ANCAMAN KEPADA NEGARA.

PERPADUAN BELIA ADALAH UNTUK KEBAIKAN, KEAMANAN DAN KEBAHAGIAN AGAMA, MASYARAKAT DAN NEGARA, UNTUK MELINDUNG DAN MEMPERTAHAN — KAN SEGALA YANG BAIK DAN MENCEGAH YANG BURUK.

SEBELUM ITU, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DATUK MOKHTAR HASHIM BERKATA, KEMENTERIANNYA MEMANDANG BERAT MASALAH PENGLIBATAN PARA BELIA DALAM BADAN-BADAN BELIA KERANA PENGLIBATAN MEREKA BEGITU PENTING DALAM PENYATUAN TENAGA BELIA.

— BERSAMBUNG 1430/SZ

B547

MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

KATANYA MENGIKUT ANGKA YANG DIPEROLEHI DARI JABATAN PERANGKAAAN, JUMLAH BELIA YANG BERUMUR 15 HINGGA 40 TAHUN DI NEGARA INI SEKARANG ADALAH 5.8 JUTA ORANG.

DARI JUMLAH ITU, HANYA 1.2 JUTA ORANG SAHAJA MENJADI AHLI PERSATUAN BELIA, MANAKALA 2 JUTA ORANG LAGI TELAH TERSUSUN MELALUI SEKOLAH-SEKOLAH, PUSAT-PUSAT PELAJARAN TINGGI, BADAN-BADAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN SERTA LAIN-LAIN INSTITUSI.

DARI ANGKA ITU MASIH TERDAPAT 2.6 JUTA ORANG BELIA YANG BELUM KE MANA-MANA DAN INI ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KEMENTERIANNYA UNTUK MENARIK MEREKA BERPERSATUAN.

SELAIN DARI ITU, KEMENTERIAN TERSEBUT JUGA SEDANG BERUSAHA MENINGKATKAN LAGI KUANTITI DAN KUALITI PENGLIBATAN BELIA DALAM BIDANG EKONOMI UNTUK MENAMBAHKAN USAHAWAN MUDA DI KALANGAN MEREKA.

TAMBAHNYA, DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT PERUNTUKAN SEBANYAK \$24 JUTA TELAH DISEDIAKAN UNTUK MELAKSANAKAN RANCANGAN BELIA NIAGA DAN SEBANYAK \$13 JUTA BAGI PROJEK BELIA PELADANG.

DI MAJLIS ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PEMENANG ANUGERAH KURNIA BELIA JAYA TAHUN 1980 KEPADA PERTUBUHAN GERAKAN BELIA 4B CAWANGAN PADANG LALANG, PULAU LANGKAWI.

TURUT HADIR TALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH DAN MENTERI KEBAJIKAN AM, DATIN PADUKA MAJDAH AISHAH GHANI.

— BERNAMA 1435/SZ